



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**REKA BENTUK HIJAB MENERUSI GAYA FESYEN KONTEMPORARI
SEKITAR TAHUN 2003 HINGGA TAHUN 2013 DI MALAYSIA**

NURRUL ASMAR BINTI AZHAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SENI (PENGAJIAN REKABENTUK)
(PENGAJIAN PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan reka bentuk hijab menerusi nilai fesyen kontemporari yang fokus kepada reka bentuk dan gaya fesyen hijab dari tahun 2003 hingga 2013. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual dan analisis dokumen sebagai panduan bagi mengumpul maklumat. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persempelan melalui kaedah persempelan bebola salji. Seramai tiga orang responden yang terlibat iaitu dua orang dari pereka hijab di Malaysia dan seorang dari penulis buku hijab. Kandungan ilustrasi yang diambil dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Laporan hasil kajian meliputi aspek ilustrasi pemakaian hijab mengikut tahun dari 2003 hingga tahun 2013 melalui reka bentuk hijab, lukisan teknikal, ukuran sebenar hijab, warna dan jenis fabrik serta pengaruh dalam pemakaian hijab. Analisis deskriptif menjelaskan bahawa reka bentuk hijab sepanjang tempoh sepuluh tahun menunjukkan perubahan dari segi fesyen dan gaya, manakala bentuk fizikal hijab masih kekal seperti tahun sebelumnya iaitu sehelai kain yang boleh dipin atau dijahit tengah untuk mendapatkan bentuk hijab namun diperhalusi dengan inovasi yang lebih mudah digayakan dengan pemilihan fabrik yang tidak renyuk, reka bentuk yang terkini, serta gabungan warna yang bersesuaian mengikut cuaca di Malaysia. Analisis melalui hubungan antara fesyen dan matlamat sebenar berhijab jelas menunjukkan pemakaian hijab kini mengalami pergeseran dari sebuah manifestasi perilaku menjalankan tuntutan agama dan mode berfesyen. Ini adalah kerana ada sesetengah reka bentuk hijab dan gayaannya tidak menepati syariat Islam.





HIJAB DESIGNS THROUGH THE CONTEMPORARY FASHION STYLE AROUND 2003 TILL 2013 IN MALAYSIA.

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the changes of hijab designs through the values of contemporary fashion, which focuses on the designs and fashion style of hijab from 2003 to 2013. Using a qualitative approach through interview and document analysis method as a guide to collect information. The selection of research subject was carried out by sampling through the snow ball sampling method. A total of three respondents, two hijab designers in Malaysia and a hijab book author were involved in this research. The illustration contents taken were analysed using content analysis method. The report findings includes the illustration aspect of the use of hijab by year from 2003 to 2013 through the hijab design, technical drawings, the actual measurement of the hijab, colours and type of fabric and the influence of the use of the hijab. The descriptive analysis explains that the design of the hijab throughout the last ten years shows a change in terms of fashion and style, while the physical form of the hijab still remains as the previous year, which is a piece of cloth that can be pinned or sewn in the middle to get the shape of the hijab but refined with easy styled innovation with the selection of fabrics that do not crease, the latest design and colour combination in accordance with the weather in Malaysia. The analysis of the relationship between fashion and objective of wearing hijab clearly shows that the use of the hijab has shifted from behavioural manifestations of religious conduct to demand of fashion mode. This is because there are some hijab designs and style did not comply with Islamic Syariah.



KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	ii
BORANG PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv

SENARAI RAJAH

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10

1.9	Batasan Tempat	11
1.10	Responden Kajian	11
1.11	Batasan Bahan Visual	11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR **13**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Sejarah Perkembangan Hijab di Malaysia	14
2.3	Keindahan Seni Reka Bentuk Hijab	17
2.4	Fenomena Fesyen Hijab	19
2.5	Teorikal	20
2.6	Kerangka Konsep	24

2.7	Teori Struktur Fungsional	25
2.8	Teori Seni Kontemporari	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN **31**

3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Strategi Kajian	32
3.3	Prosedur Dan Proses Pengumpulan Data	32
3.3.1	Temu bual Mendalam	33
3.3.2	Temu Bual Kumpulan Fokus	34
3.3.3	Pemerhatian	35
3.3.4	Dokumen	36

3.4	Jenis Data dan Sumber Data	37
3.4.1	Data Snowball Sampling	38
3.5	Kaedah Dan Teknik Pengumpulan Data Primer	41
3.6	Matriks Pengumpulan Data	43
3.7	Kaedah Dan Teknik Pengumpulan Data Sekunder	44
3.7.1	Pencarian Data Secara Manual	44
3.7.2	Pencarian Data Secara Rangkaian Talian	45
3.8	Kebolehpercayaan	45
3.9	Triangulasi	46
3.9.1	Triangulasi Data	47
3.9.2	Triangulasi Teori	47
3.9.3	Triangulasi Persekitaran	47
3.9.4	Triangulasi Pengkaji	48
3.9.5	Triangulasi Method	48
3.10	Pemerhatian Jangka Panjang	48
3.11	Analisis Data	49
3.11.1	Analisis Semasa Pengumpulan Data	53
3.11.2	Analisis Selepas Pengumpulan Data	55
3.11.3	Analisis Data Pemerhatian	56
3.11.4	Analisis Data Temubual	56
3.11.5	Analisis Data Dokumen	56

3.11.6 Dokumen Awam 57

3.11.7 Dokumen Peribadi 57

3.11.8 Fotografi 57

BAB 4 REKA BENTUK FESYEN HIJAB DARI TAHUN 2003 HINGGA TAHUN 2013 59

4.1 Pengenalan 59

4.2 Reka Bentuk Fesyen Hijab Bagi Tahun 2003 60

4.2.1 Hijab Telekung Mini (Muslimah) 61

4.2.2 Pengaruh Hijab Telekung Mini (Muslimah) 63

4.2.3 Reka Bentuk Hijab Telekung Mini (Tudung Bawal) 63

4.2.4 Pengaruh Hijab Telekung Mini (versi moden) 66

4.3 Skaf 68

4.3.1 Pengaruh Pemakaian Skaf 70

4.4 Reka Bentuk Fesyen Hijab Bagi Tahun 2004 72

4.4.1 Serkup Padding 2004 73

4.4.2 Hijab Sifon Bermanik 75

4.4.3 Pengaruh Hijab Tahun 2004 76

4.5 Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2005 78

4.5.1 Fenomena Tudung Bawal atau Reka Bentuk Hijab
Fabrik Voile 81

4.5.2 Pengaruh Hijab Tahun 2005 83

4.6	Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2006	86
4.6.1	Selendang	86
4.6.2	Hijab Pashmina	88
4.6.3	Tudung Bawal BenangTimbul	89
4.6.4	Pengaruh Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2006	90
4.7	Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2007	92
4.7.1	Tudung Bawal 2007	94
4.7.2	Tudung Bawal Sulaman Karipap	94
4.7.3	Tudung Bawal Manik Bunga Campur	95
4.7.4	Tudung Bawal Bunga Baldu	96
4.7.5	Pengaruh Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2007	97
4.8	Reka Bentuk Hijab Awning Bagi Tahun 2008	99
4.8.1	Selendang Bercorak (Printed) Tahun 2008	101
4.9	Reka Bentuk Hijab 'Awning' Bagi Tahun 2009	104
4.9.1	Pengaruh Hijab Bagi Tahun 2009	108
4.10	Reka Bentuk Hijab Awning Berlapis Bagi Tahun 2010	110
4.10.1	Hijab Sarung Bermanik	111
4.10.2	Pengaruh Hijab Bagi Tahun 2010	114
4.11	Reka Bentuk Hijab Fabrik Voile (Bawal) Bagi Tahun 2011	116
4.11.1	Reka Bentuk Hijab Selendang Awning Beropol	117
4.11.2	Pengaruh Hijab Tahun 2011	119

4.12	Reka Bentuk Hijab Awning Bagi Tahun 2012	121
4.12.1	Reka Bentuk Hijab Hoodie	122
4.12.2	Reka Bentuk Hijab Hoodie Multi Fungsi (2 warna)	124
4.12.3	Reka Bentuk Hijab Hoodie Selendang	126
4.12.4	Reka Bentuk Hijab Hoodie Inovasi	127
4.12.5	Pengaruh Hijab Bagi Tahun 2012	129
4.13	Reka Bentuk Hijab Syria Bagi Tahun 2013	131
4.13.1	Reka Bentuk Hijab Gaya Ala Arab	133
4.13.2	Hijab Turban	134
4.13.3	Selendang Gayaan Layer.	136
4.13.4	Pengaruh Reka Bentuk Hijab Bagi Tahun 2013	137
4.14	Evolusi Reka Bentuk Hijab Dari Tahun 2003 Hingga Tahun 2013	139
4.15	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Reka Bentuk Hijab	146
4.15.1	Seni dan Budaya Kontemporari	147
4.15.2	Gaya Hidup	148
4.15.3	Budaya Fesyen Hijab	149
4.15.4	Budaya Konsumen	150

BAB 5 KESIMPULAN 152

5.1	Kesimpulan	152
-----	------------	-----

RUJUKAN

154

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Reka bentuk dan gaya fesyen hijab pada tahun 2003	39
3.2	Matriks Pengumpulan Data Kajian	43
3.3	Reka bentuk hijab mengikut tahun kajian	51
4.1	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2003	70
4.2	Jadual Reka Bentuk Hijab Pada Tahun 2004	77
4.3	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2005	83
4.4	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2006	90
4.5	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2007	97
4.6	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2008	103
4.7	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2009	108
4.8	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2010	114
4.9	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2011	119
4.10	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2012	129

4.11	Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari Tahun 2013	138
------	--	-----

4.12	Reka Bentuk Gaya Hijab Dari Tahun 2003 hingga Tahun 2013	140
------	--	-----

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
2.1. Wanita Melayu dengan pakaian kepala, sekitar 1990. Sumber rujukan : Azah Aziz, Rupa dan Gaya Busana Melayu	15
2.2. Gaya andan reka bentuk hijab dengan kain sarung.Sumber rujukan : Azah Aziz, Rupa dan Gaya busana Melayu	16
2.3. (a) Teori Struktur Fungsional	25
2.4. (b) Teori Struktur Fungsional	26
2.5. (c) Teori Seni Kontemporari	28
2.6. (d) Kerangka Konsep Reka Bentuk Hijab Menerusi Gaya Fesyen Kontemporari	29
3.1. Proses Pencarian Sumber Data Bagi Reka Bentuk Hijab	40
3.2. Proses Pengumpulan Data Primer	42
3.3. Triangulasi Data Kajian	46
3.4. Contoh proses analisis data serentak semasa proses pengumpulan	52
3.5. Pengurusan/Proses Penganalisan Data	53
4.1. Hijab Telekung Mini Muslimah yang labuh hingga pergelangan siku dan tangan seperti telekung untuk sembahyang. Sumber rujukan : Buku Hijab Antara Adat & Tuntutan Syariat, (2012).	62
4.2. Pemakaian hijab telekung mini (moden) yang singkat ke paras bahu dengan pengayaan yang berbeza mengikut cita rasa pemakai.Sumber Rujukan Gambar 1 : Majalah Nona keluaran Januari 2003. Sumber Rujukan Gambar 2 dan 3 : Koleksi peribadi.	64

- 4.3. Teknik lipatan hijab yang hanya sekeping kain empat segi tepat dan menjadi tiga segi. Sama ada lipatan segi tiga dijahit atau di pin sahaja. 65
- 4.4. Lipatan hijab dari empat segi tepat menjadi tiga segi dan di pin. 66
- 4.5. Lipatan hijab dari empat segi tepat menjadi tiga segi dan di pin 66
- 4.6. Fenomena hijab gaya Wardina yang menampilkan bunga dan hijab polos yang penuh hiasan manik. (Sumber rujukan : Majalah Nona keluaran Januari tahun 2003.) 68
- 4.7. Gaya skaf yang berbentuk segi empat dan segi tiga yang mendapat pengaruh Barat dan sangat popular sehingga tahun 2013. Sumber rujukan: Azah Aziz, Rupa dan Gaya busana Melayu, 2006. 69
- 4.8. .Gaya pemakaian hijab pada tahun 2004. Sumber Rujukan : Majalah Kompilasi Anggun Bertudung 2004 73
- 4.9. Variasi pemakaian serkup kepala dari yang tidak menutup leher hingga labuh menutup leher. Sumber Rujukan : Buku Inspirasi Berbusana Islami 2004 74
- 4.10. Gaya Reka bentuk hijab Indonesia yang mempunyai ketebalan padding berukuran 0.5 cm. Sumber rujukan : Warta Ekspor Fashion Kerudung Indonesia 2005 80
- 4.11. Fenomena fabrik viole atau tudung bawal yang kekal hingga ke hari ini. Sumber rujukan: Koleksi peribadi dan majalah Remaja edisi Februari 2005. 82
- 4.12. Kepelbagaian corak selendang dengan inspirasi corak geometri, bunga dan abstrak. Sumber rujukan: Fesyen Ekonologi. Nasyirah Saleh. Stailo & Sopan Hijabista Nona Edisi Februari 2013. 87
- 4.13. Kepelbagaian corak selendang dan pengayaan ikatan Pashmina dari wanita Kashmir yang mempengaruhi penggemar hijab Malaysia. Sumber rujukan: Evolusi Hijab Pashmina. Stailo 89

& Sopan Hijabista Nona Edisi Februari 2013

- 4.14. Kepelbagaian motif bunga menggunakan benang warna senada dan warna harmoni. Sumber Rujukan : Koleksi peribadi. 90
- 4.15. Pengaruh gaya fesyen gadis Gipsi memberi kelainan kepada reka bentuk hijab tahun 2007. Sumber rujukan: Majalah Glam 2007 94
- 4.16. Hiasan sulaman mesin berbentuk gentelan tepi kueh karipap dengan gabungan batu kristal. Sumber Rujukan : Koleksi peribadi. 95
- 4.17. Hiasan sulaman mesin motif bunga campur dengan gabungan batu Kristal. Sumber rujukan: Koleksi peribadi. 96
- 4.18. Hiasan sulaman mesin motif bunga yang di jahit dengan fabrik baldu. Sumber rujukan: Koleksi peribadi. 97
- 4.19. Inovasi hijab awning 2008 yang mudah di gayakan dan dikenali sebagai hijab sarung. Penggunaan fabrik lycra yang tidak renyuk adalah idea baru dari pereka tempatan. Sumber rujukan: Majalah Nur Edisi Januari 2008. 101
- 4.20. Koleksi selendang bercorak geometri, bunga dan abstrak. Sumber rujukan: Harian Metro 2008. 102
- 4.21. Reka bentuk hijab keluaran Fareeda dengan mengetengahkan fabrik sifon dengan gabungan awning. Sumber Rujukan: Arkib Ihsan dari Pn Faridah Binti Zakaria. 106
- 4.22. Tudung Fareeda yang mengetengahkan gabungan fabrik berlapis dengan aksesori di tengah garisan hijab. Sumber Rujukan: Arkib Ihsan dari Pn Faridah Binti Zakaria. 108
- 4.23. Reka bentuk keluaran Fareeda dengan mengetengahkan fabrik sifon yang dijahit berlapis dan bertingkat. Sumber Rujukan: Arkib Ihsan dari Pn Faridah Binti Zakaria dan Majalah Nur 2010. 111

- 4.24. Hijab sarung bemanik berbentuk selindar yang mudah, ringkas dan senang di gayakan. Hijab di hiasi manik dan sequin serta jahitan sulam mesin. Sumber Rujukan: Harian Metro 2010. 113
- 4.25. Fenomena fabrik viole atau tudung bawal yang kekal hingga ke hari ini kembali dengan gabungan fabrik printed dan motif yang segar. Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2011. 117
- 4.26. Hijab selendang awning yang di jahit ropol dan tahtahan manik dan sulam tampal. Sumber Rujukan : Arkib dan Ihsan Pn Farida Binti Zakaria. 118
- 4.27. Hijab awning yang di jahit berlapis dan bertingkat. Sumber Rujukan: Arkib Ihsan dari Pn Faridah Binti Zakaria. 122
- 4.28. Reka bentuk hijab Hoodie yang menggabungkan 2 fabrik untuk digayakan. Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2012. 123
- 4.29. Gaya Reka bentuk Hijab Hoodie dengan gabungan 2 warna (labuh paras menutupi dada). Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2012 125
- 4.30. Reka bentuk Hijab Hoodie dengan gabungan 2 fabrik dan warna yang berbeza. Rekaan diilham daripada gabungan serkup kepala dengan selendang. Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2012. 127
- 4.31. Gaya Reka bentuk Hijab Hoodie yang dijahit bersama baju. Sumber Rujukan: Majalah URTV 2012. 128
- 4.32. Reka bentuk hijab Syria yang menggunakan 2 helaian fabrik dengan gabungan inner lekap dan hijab berbentuk separa kepala 133
- 4.33. Gayaan lilitan selendang ala Arab yang diminati oleh golongan mahasiswi sejak awal 2012 hingga 2013. Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2013 dan koleksi peribadi. 134
- 4.34. Evolusi gaya fesyen hijab Yuna Zarai dan kini selesa dengan penampilan hijab turban. Sumber Rujukan: Majalah Hijabista 2013 dan koleksi peribadi. 136



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Pemakaian hijab adalah satu tuntutan kepada semua wanita yang beragama Islam agar menutup aurat. Aurat dari segi bahasa ialah keaiban, sesuatu yang mengaibkan. Manakala dari segi istilah syarak ialah bahagian-bahagian tertentu pada tubuh manusia yang wajib ditutup. (Dr. Abdul Basit Abdul Rahman, 2013). Aurat juga ertinya perkara yang ditutup oleh manusia, malu apabila dilihat. (Seripah Zin Ali, 2009). Agama Islam menggalakkan umatnya berpakaian baik, bersih, cantik dan menutup aurat kerana amalan tersebut mendatangkan kebaikan kepada manusia. Begitu juga dalam pemakaian hijab. Hijab dari segi bahasa ialah benda yang menutup sesuatu dengannya. Ia adalah kata terbitan daripada kata akar ‘ha-ja-ba’ yang bermakna untuk tudung, menutup dan menghalang. Hijab dari istilah atau syarak ialah seluruh pakaian sopan bagi wanita Islam. Selain dipanggil skarf kepala ia juga sesuai





dirujuk sebagai khimar. Khimar adalah sejenis tutup kepala yang mana kain berbentuk empat segi lalu dilipat menjadi segi tiga, seterusnya diletakkan di atas kepala dan diketatkan di bawah dagu. Syaikh Abdul Wahhab Addus Salam Thawilah, (2008). Menurut Zulkifli dan Fatin, (2013). Hijab dari segi bahasa ialah benda yang menutup sesuatu dengannya. Ia adalah tudung yang dipakai oleh wanita Islam yang menyembunyikan rambut, leher dan mempunyai purdah yang melitupi muka kecuali mata. Dalam Kamus, *The Free Dictionary* 2012 juga menerangkan hijab adalah pengasingan atau persembunyian diri bagi wanita iaitu rambut dan leher dalam masyarakat Islam, terutamanya bagi yang bukan muhrim yang diamalkan untuk mengekalkan piawaian kesopanan. Alinaemah Laily Mohamed Yusof, (2013).

Mengekalkan kesopanan dalam pengayaan hijab adalah terletak dari segi reka bentuk pengayaannya. Melalui reka bentuk hijab yang digayakan terhasil rekaan ‘fesyen hijab’ yang sedang menjadi fenomena kepada pengemar hijab masa kini. Reka bentuk fesyen hijab yang akan dibincangkan dalam kajian ini sememangnya dituntut oleh agama Islam. Hakikatnya peredaran zaman memberi satu ledakan tranformasi kepada reka bentuk fesyen hijab kini yang lebih kontemporari. Mengangkat keunggulan reka bentuk hijab berkonsepkan seni kontemporari umpamanya style ethnic moden, gayaan hijab feminin, gaya hijab pashmina, hijab Gothick, dan gayaan fesyen hijab romantik yang akan diperjelaskan didalam penyelidikan ini membuktikan satu teori kesantunan berbusana yang berinovasi dalam nada kemodenan telah wujud. Kewujudan hijab moden ini melahirkan pengayaan hijab yang kreatif, tidak terkongkong malah sentiasa berekspresi dengan gayaan yang baru namun masih berkelubung.





1.2 Latar Belakang Kajian

Aliran perkembangan fesyen tidak pernah berhenti tetapi ia terus mengalir memberikan pelbagai revolusi dan evolusi oleh para pemain industri. Perubahan fesyen dari satu zaman ke zaman yang lain hingga kadangkala berhenti seketika membuktikan kitaran dalam fesyen sedang berlaku. Begitu juga dengan fesyen hijab yang mana telah memperlihatkan reka bentuk hijab terkini. Fesyen hijab terkini lebih berstail mengikut peredaran zaman dengan idea yang sangat kreatif. Kreativiti, imaginasi serta kemahiran mencipta stail dan teknik mengenakan hijab yang lahir dari golongan pereka hijab ini dianggap sebagai satu idea tranformasi kepada fesyen hijab.

Perubahan fesyen hijab memberi satu kelainan dan pembaharuan kepada pengemar hijab. Fesyen hijab telah menjadi fenomena bukan sahaja di seluruh dunia Islam malahan telah meresap kepada dunia busana hijabi di Malaysia. Nasyirah Salleh, (2013). Pemakaian hijab pernah satu ketika dilabel sebagai kemunduran dan penghalang kepada kemajuan. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1970-an di Amman, Jordan, sebuah gerakan baru kumpulan hijabi muncul memperuntukan pemakaian hijab sebagai tanda identiti sah dan instrumen untuk menampung dunia moden yang menginginkan perubahan. Nicole McDermott, (2010). Gabungan etika dan estetika, yang bermaksud imbalan antara ketakwaan dan fesyen dalam berhijab melahirkan reka bentuk hijab terkini. Penjelasan ini jelas dalam kajian (Mihret Woldesemait, 2013).

It is within this context that this thesis discusses contemporary pious fashion in Amman, Jordan. The ethics and aesthetics of veiling in Amman have again shifted the meaning and appropriation of the





veil. Establishing an agreement or balance between piety and fashion/ethics and aesthetics in veiling is significant for contemporary urban residents of Amman. Furthermore, this balance has social significance and guides social and cultural interactions.

(Mihret Woldesemait, 2013).

Pernyataan diatas membuktikan bahawa gabungan etika dan estetika inilah yang membawa perkembangan reka bentuk hijab di Malaysia sangat ketara berbanding dahulu. Reka bentuk hijab yang moden dieksperimentasikan dengan pemilihan warna yang sangat berani serta fabrik yang mudah digayakan. Gaya dan teknik ikatan di ketengahkan supaya lebih segar dan relevan dengan arus semasa. Kepelbagaiaan fesyen hijab dengan penambahan imej gabungan barat dan timur

membuka lembaran baru kepada fesyen hijab yang semakin menjadi ikutan.

Dekad ini pelbagai reka bentuk potongan hijab telah berubah rekaannya. Dari reka bentuk potongan yang biasa iaitu kain yang berbentuk empat segi sama yang akan dilipat menjadi bentuk tiga segi sama telah membawa perubahan kepada pemakaian hijab kepada pemakaian hijab yang sudah siap dijahit dan boleh terus dipakai. Hijab *awning* antara hijab yang sangat digemari oleh pengemar hijab. Jenis fabrik yang digunakan adalah daripada satin jursey yang mudah dipakai. Reka bentuk hijab *awning* mempunyai fabrik yang tebal dan ada juga yang nipis. Fabrik yang digunakan daripada fabrik yang polos, bercorak abstrak yang berwarna-warni, berkerawang, berlabuci, beropol dan juga berlapis-lapis menunjukkan kewujudan perubahan hijab era kini. Tidak kurang juga stail ikatan dari selendang yang banyak dipengaruhi daripada stail ikatan budaya negara luar.





Penyelidik merasakan betapa pentingnya kajian terhadap reka bentuk hijab dijalankan untuk melihat perubahan dan perkembangan reka bentuk fesyen hijab. Inspirasi dari petunjukan fesyen hijab di pentas peragaan dan medium media visual dari majalah fesyen hijab tempatan memberi pengaruh besar kepada pengemar hijab. Dalam kajian (Zulkifli Abd. Latiff dan Fatin Sofia Zainal, 2013) menjelaskan penemuan yang telah diadualkan 80 peratus wanita terpengaruh dari visualisasi daripada majalah fesyen hijab. Kajian ini menunjukkan terdapat kepelbagaiaan reka bentuk hijab yang akan dikaji untuk membuktikan pemakaian hijab telah berada di suatu fasa perubahan dari segi reka bentuk fesyennya.

1.3 Permasalahan Kajian



Hijab sering dipandang sebagai identiti dalam Islam kerana umat Islam tahu bahawa Islam mewajibkan wanita (muslimah) untuk menutup aurat dan memakai hijab. Batasan aurat yang hanya boleh dilihatkan muka dan telapak tangan di bolehkan seperti di dalam solat mahupun tidak. Namun Perkembangan pesat industri fesyen hijab di Malaysia malahan di peringkat antarabangsa telah mengubah persepsi masyarakat terutama komuniti yang suka akan perubahan fesyen hijab.

Muncul ramai pereka fesyen wanita beragama Islam yang lahir daripada aktiviti pertunjukan fesyen muslimah di Amerika Syarikat seperti pertandingan fesyen hijab iaitu *Fashion Fighting Famine* yang diadakan sejak 2007 manakala di Malaysia menampilkan pertunjukan Fesyen Hijab Moden berkonsepkan muslimah Islam yang sopan membuatkan fesyen hijab moden dan kontemporari diterima sebagai gaya hidup.





Wanita muslimah masih kekal sopan berhijab dengan idea gayaan yang baru.

Sama ada wanita memilih untuk memakai turban dengan baju berkolar penyu menutupi leher atau selendang, ia dikira masih berhijab. (Sarah Musa, 2013, Berita Harian, Juara pertandingan Hijab Gaya AS).

Kenyataan diatas jelas menunjukkan masalah yang berlaku dalam reka bentuk fesyen hijab di Malaysia kini adalah daripada pengaruh fesyen barat. Reka bentuk fesyen hijab dicampur aduk dari budaya luar dikatakan mengikut arus globalisasi dan pascamodenisme. Menurut kajian (Nicole McDermott, 2010) golongan gadis berhijab di Amman Jordan, terpengaruh dengan suntikan fesyen hijab ala barat adalah kerana desakan modenisasi. Kaum wanita di Amman, Jordan terdorong untuk mengikuti arus modenisasi sebagai langkah penyesuaian diri dan tanda seseorang itu telah maju seiring dengan perkembangan fesyen. Pernyataan ini jelas membuktikan bahawa kuasa besar dunia adalah fesyen. Fenomena ini juga turut menuntut wanita di Malaysia ingin berfesyen dan terdorong untuk berstail.

Saya sentiasa mencari rekaan terbaru hijab di majalah, laman web dan pertunjukan-pertunjukan fesyen barat atau negara Arab sama ada pengayaan selendang, pashmina atau serban untuk digayakan sewaktu menghadiri kuliah. Setiap gadis rasanya cukup sinonim dengan apa sahaja yang berkaitan dengan kecantikan. Tidak kira sama ada mereka berhijab atau tidak, soal cantik masih menjadi aspek yang dititikberatkan. (Nur Ilani Kamarudzaman, Majalah Remaja, 2013. SlotObsesi Bertudung, Apa Kata Kamu? .Hlm 100.)





Dengan penjelasan ini, menunjukkan bahawa pengaruh budaya luar seperti fesyen gaya Arab dipadankan dengan pakaian moden Amerika, telah meresap dalam budaya fesyen hijab di Malaysia. Media masa juga adalah alat komunikasi yang paling cepat mempengaruhi pengemar fesyen. Kebangkitan fesyen hijab dalam euforia media sosial di kalangan generasi baru muslimah terbukti dengan lambakkan perniagaan hijab di pasaran mahupun di laman sesawang. Kecanggihan internet yang menghubungkan manusia dengan alam maya memudahkan carian rujukan mengenai perkembangan fesyen hijab. Petunjukan fesyen hijab dan majalah-majalah fesyen hijab adalah satu media yang memberi pengaruh yang paling dekat dengan pengemar hijab.

Nilai Islam dan adab Melayu tidak lagi dijadikan rujukan. Inilah yang terjadi dalam suasana kebanggaan ciptaan kontemporari yang sebenarnya lebih kepada budaya popular yang digemari para penggubah fesyen muda. (Dr. Siti Zainon Ismail, 2009-2010. Himpunan Kertas Kerja Perbentangan Kajian, Kuala Lumpur).

Kenyataan tersebut telah disokong oleh Ismail Abdullah yang mengatakan bahawa: Malaysia misalnya, merupakan suatu pernyataan yang jelas tentang pentingnya aspirasi dan nilai tradisi dipertahankan. Namun atas dasar seni budaya kontemporari dan moden masyarakat sekarang lebih bersifat multikultural dan global. Fenomena ini menyebabkan kompleksnya idea, konsep, struktur dan isu berkaitan dengan seni dan budaya moden kita. (Ismail Abdullah, 2009).

Dengan pernyataan ini jelaslah bahawa pereka fesyen tempatan terutama pereka muda yang mencetuskan pelbagai idea baru untuk menonjolkan fesyen hijab





terkini dengan memberi pelbagai revolusi kepada pengemar fesyen hijab. Seperti yang dikatakan oleh Dr. Siti Zainon Ismail, (2009-2010). Budaya kontemporari yang sebenarnya lebih kepada budaya popular telah menghapuskan jati diri orang Melayu, pelbagai bentuk persepsi, akan banyak perbezaan pendapat, cita rasa, fungsi, matlamat dan nilai sesuatu fesyen itu.

Oleh itu, dengan menyedari permasalahan yang berlaku pentingnya kajian reka bentuk fesyen dan gayaan hijab ini dikaji.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji perubahan reka bentuk fesyen hijab menerusi nilai fesyen kontemporari sekitar tahun 2003 hingga 2013. Kajian ini dihasilkan bagi mengetahui reka bentuk hijab yang merangkumi reka bentuk pola hijab, lukisan teknikal, saiz, fabrik dan warna yang digunakan mengikut tahun, hiasan pada hijab, dan fesyen pengayaan hijab. Selain itu kajian juga di buat bagi mengetahui pengaruh budaya luar yang telah meresap kepada sosio budaya pengayaan hijab di Malaysia.

Kajian terhadap reka bentuk hijab adalah ingin mengetahui hubungan antara fesyen dan hijab untuk wanita muslimah bagi menggambarkan keperibadian atau matlamat sebenar berhijab. Selain dapat mempertahankan sejarah, rupa bentuk fesyen hijab terkini juga diperjelaskan supaya nilai tradisi fesyen hijab selari dengan proses globalisasi dan beragama.





1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti reka bentuk fesyen hijab sekitar tahun 2003 hingga tahun 2013.
- 2) Mengesan pengaruh dalam pengayaan hijab.
- 3) Mensintesis trend gaya reka bentuk fesyen hijab kontemporari.

1.6 Persoalan Kajian

- 1) Apakah perubahan reka bentuk pemakaian hijab yang berlaku sekitar tahun 2003 hingga tahun 2013 ?
- 2) Apakah yang mempengaruhi perubahan reka bentuk fesyen hijab 2003 hingga 2013 ?
- 3) Apakah jenis trend yang diaplikasikan dalam pengayaan fesyen hijab kontemporari ?

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang tepat tentang reka bentuk fesyen hijab kontemporari sama ada dari segi perubahan reka bentuk hijab, pengaruh luar yang mempengaruhi fesyen hijab mahupun pereka tempatan atau pemain industri yang mewujudkan jenis stail terkini dalam pengayaan hijab kontemporari di Malaysia.





Kajian ini juga akan memperkayakan lagi sumber sejarah dalam rekaan seni fesyen hijab di Malaysia.

Selain itu kewujudan transisi fesyen hijab kini juga mempunyai pengaruh tertentu sehingga tercetusnya fenomena pemakaian hijab kontemporari. Jangka masa tahun kajian juga akan memperlihatkan pelbagai penemuan yang boleh menjawab persoalan-persoalan kajian seperti perbezaan, perkembangan, pengaruh luar yang mempengaruhi fesyen hijab dan konsep gayaan yang diaplikasikan dalam reka bentuk fesyen hijab.

Menerusi dapatan kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada pereka fesyen hijab, guru-guru rekaan fesyen, para pelajar, mahasiswa ataupun pengkaji lain yang berhasrat untuk meneruskan pengkajian dalam bidang yang berkaitan.



1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah mengkhususkan kepada reka bentuk fesyen hijab sekitar tahun 2003 hingga 2013. Fenomena ini menjurus kepada tiga persoalan utama iaitu (i) perbezaan hijab melalui evolusinya, (ii) pengaruh luar dalam reka bentuk fesyen hijab, (iii) Gaya trend yang terdapat dalam hijab.

Walau bagaimanapun terdapat dua aspek yang turut di beri perhatian dalam kajian ini iaitu (i) proses lukisan teknikal hijab dan (ii) merekod fesyen pemakaian hijab mengikut tahun. Kedua-dua aspek ini dilihat sebagai fenomena penting yang





boleh membantu pengkaji merungkai persoalan kajian yang berkaitan dengan reka bentuk hijab terkini.

1.9 Batasan Tempat

Tempat utama dalam kajian ini ialah butik hijab kontemporari yang berada di bandaraya Kuala Lumpur. Justifikasi pemilihan tempat ini berdasarkan daripada fenomena fesyen hijab di bandaraya itu. Terdapat banyak butik, pertunjukan fesyen, bengkel, pameran dan aktiviti program televisyen berlaku di bandaraya Kuala Lumpur.



1.10 Responden Kajian

Jumlah keseluruhan responden kajian yang telah dikenal pasti ialah tiga orang. Terdiri daripada dua orang pereka hijab atau pengasas butik hijab dan seorang penulis buku fesyen hijab. Mereka adalah:

- 1) Farrah Adeeba Binti Muhammad Ashraf pengasas butik hijab kontemporari Najjah.
- 2) Faredah Binti Zakaria pereka dan pengasas tudung Fareeda.
- 3) Melda Ahmad penulis buku Variasi Hijab Gaya Jalanan.

Penyelidik mengambil ketiga-tiga responden di atas adalah disebabkan oleh penglibatan mereka dalam arena fesyen hijab kontemporari yang mereka perkenalkan dari segi rekaan fesyen hijab, pemilihan fabrik, gayaan lilitan hijab dan juga dari





kejayaan mereka dalam bidang perniagaan fesyen hijab yang mendapat sambutan dan menjadi fenomena di Malaysia. Farrah Adeeba Binti Muhammad Ashraf adalah personaliti TV3 yang terkenal dengan slot rancangan Wanita Hari Ini yang banyak membincangkan fesyen hijab yang berlandaskan syariat dan hijab kontemporari selain ada butik perniagaan untuk muslimah. Faredah Binti Zakaria juga adalah pereka tudung jenama Fareeda yang menjadi fenomena pengemar hijab. Manakala Melda Ahmad adalah pengeluar buku gayaan hijab yang menjadi ikutan remaja masa kini.

1.11 Batasan Bahan Visual

Bahan visual iaitu reka bentuk hijab merupakan subjek utama kajian ini. Aspek yang akan di beri perhatian ialah stailnya khusus kepada fabrik, warna, pola reka bentuk hijab, dan aksesori. Perincian kajian terhadap perkembangan fesyen hijab adalah dari segi pengaruh dan stail penggayaannya.

